

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua  
Sidang 1990/91

Mac/April 1991

YMP 204 - Kewartawanan I

Masa: [3 jam]

---

Jawab Soalan No. 1 dan DUA (2) soalan lain.

1. Baca maklumat yang diberi, yang ditulis oleh seorang pemberita yang dihantar untuk membuat satu liputan berhubung dengan satu kemalangan jalanraya. Berdasarkan maklumat tersebut, tulis sebuah berita lengkap. Andaikan kejadian tersebut berlaku hari ini, dan anda menulis untuk sebuah akhbar nasional.

(40 markah)

MAKLUMAT

1. Sebuah motokar terlanggar sebuah lori minyak di kilometer 45, Lebu Raya Kuala Lumpur-Karak.
2. Menurut Ketua Polis Trafik Kuala Lumpur, Penguasa Polis (PP) Ishak Baharom, motokar berkenaan dipercayai dalam perjalanan ke Bentong ketika kemalangan berlaku kira-kira jam 4.15 petang.
3. Lori minyak yang dalam perjalanan ke Kuala Lumpur, terbalik melintangi jalan mengakibatkan tumpahan minyak sepanjang kira-kira 20 meter.
4. Polis meminta kerjasama anggota bomba dari Jalan Gombak untuk membersihkan tumpahan minyak.
5. Pemandu lori yang cedera parah di bahagian kepala meninggal dunia dalam perjalanan ke Hospital Besar Kuala Lumpur.
6. Sebuah van yang dipercayai dalam perjalanan ke Bentong merempuh lori minyak yang melintangi jalan. Pemandu van berkenaan mati di tempat kejadian.

...2/-

7. Kesyakan lalulintas berlaku kira-kira 2 jam. Keadaan bertambah sesak apabila orang ramai berpusu-pusu melihat keadaan kemalangan.
  8. Kelindan lori minyak mengalami cedera ringan. Beliau dimasukkan ke Hospital Besar Kuala Lumpur sebagai pesakit luar. Keadaannya dilaporkan tidak membimbangkan.
  9. Pemandu motokar mati di tempat kejadian. Bomba mengambil masa kira-kira setengah jam untuk mengeluarkan mayat yang tersepit di dalam kereta.
  10. Menurut PP Ishak Baharom, pemandu motokar berkenaan dipercayai cuba memotong sebuah motokar di satu selekoh. Bagaimanapun, dia tidak dapat mengawal kenderaannya lalu terlanggar lori berkenaan.
  11. Mereka yang mati ialah pemandu motokar, Ali bin Kassim, 36, pemandu van, Ahmad bin Idris, 45, dan pemandu lori minyak, Tan Kim Boon yang berumur dalam lingkungan 40 tahun.
  12. Sebuah motosikal terbabas jatuh ke dalam gaung kerana cuba mengelak lori minyak yang melintangi jalan. Penunggangnya mati di tempat kejadian. Polis mengambil masa kira-kira sejam untuk mengeluarkan mayat dari gaung sedalam kira-kira 30 meter.
  13. Penunggang motosikal berkenaan dikenali sebagai Maniam a/l Muthusamy, 27 tahun.
  14. Kesyakan lalulintas dapat dikawal. Jalan raya dibuka semula kepada semua kenderaan kira-kira jam 6.15 petang.
2. a. Mengapakah berita seharusnya ditulis dalam bentuk piramid terbalik. Beri contoh tertentu untuk menjelaskan jawapan anda.
- b. Wartawan menulis untuk orang ramai membaca. Apakah garis panduan yang digunakan oleh seorang wartawan agar tulisannya dibaca dan dihormati.

(30 markah)

...3/-

3. Bincangkan kod etika Kewartawanan Akhbar Amerika Syarikat (Canons of journalism - American Society of Newspaper editors) dan beri pandangan anda tentang kesesuaian kod etika ini dalam konteks kewartawanan Malaysia.

(30 markah)

4. Menurut Dr. Mahathir (Ucapannya di World Press Convention, 1985) Malaysia mengamalkan sistem tanggungjawab sosial dalam perakhbaran, dan beliau telah menyalahkan beberapa peruntukan yang ditentukan oleh model libertarian. Bincangkan serangan beliau, dalam ucapan tersebut, ke atas model libertarian dan alasan beliau untuk mengamalkan sistem tanggungjawab sosial di Malaysia.

(30 markah)

5. Bincangkan peruntukan Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984. Nilaiikan sama ada peruntukan tersebut menjejaskan kebebasan berakhbar dalam konteks negara Malaysia.

(30 markah)

-oooOooo-